

03/05/2002

14,000 sertai sambutan ulang tahun ke-56 Umno

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Khamis - Kira-kira 14,000 ahli Umno dari seluruh negara dijangka menghadiri majlis sambutan ulang tahun ke-56 parti itu di Stadium Melawati, Shah Alam pada 11 Mei ini.

Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menyampaikan amanat pada sambutan itu yang bertemakan "Perjuangan sebuah bangsa". Wakil semua parti komponen Barisan Nasional (BN), turut diundang.

Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata persiapan bagi majlis itu sedang rancak dilakukan, selain persiapan untuk perhimpunan agung Umno bulan depan.

"Kita bersetuju menjemput wakil parti komponen BN yang terdiri daripada Presiden dan Setiausaha Agung serta jemputan lain pada sambutan di Stadium Melawati nanti," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat pengurusan Umno di sini, hari ini.

Abdullah berkata, mesyuarat itu juga bersetuju mengubah sedikit format perhimpunan agung Umno bermula 19 hingga 22 Jun ini dengan acara perasmian perhimpunan Pergerakan Pemuda dan Wanita diadakan lebih awal supaya perwakilan mempunyai banyak masa untuk menyertai perbahasan.

Katanya, beliau akan merasmikan perhimpunan kedua-dua sayap itu serentak dengan konvensyen Puteri Umno pada sebelah malam 18 Jun.

"Majlis perasmian itu diadakan lebih awal iaitu pada malam Selasa 18 Jun. Maka keesokan harinya (19 Jun), Pemuda dan Wanita boleh terus memulakan urusan persidangan dan begitu juga bagi konvensyen Puteri.

"Dengan cara ini, masa menjadi lebih banyak untuk perwakilan iaitu tambahan tiga jam, bagi membahas usul serta perbincangan sehari suntuk. Kemudian perhimpunan agung sebenar diadakan selama tiga hari seperti biasa bermula 20 hingga 22 Jun," katanya.

Abdullah berkata, sebelum ini Pengerusi Tetap persidangan pada perhimpunan Pemuda dan Wanita kerap menegur perwakilan mengenai had masa berucap kerana kesuntukan masa.

Perubahan format itu akan diperakukan pada mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno minggu depan untuk mendapat persetujuan, tetapi Abdullah yakin cadangan itu akan diterima kedua-dua sayap terbabit.

Beliau juga berkata, setakat ini semua 165 bahagian Umno di seluruh negara kecuali bahagian Bentong dan Kuantan sudah menyelesaikan mesyuarat perwakilan masing-masing termasuk bahagian Kubang Pasu hari ini.

Katanya, jawatankuasa pengurusan berpuas hati dengan perjalanan mesyuarat bahagian dengan terlalu sedikit masalah timbul yang dikemukakan kepada ibu pejabat parti.

"Masalah yang berlaku pada peringkat cawangan sudah dikemukakan kepada jawatankuasa pemantau yang diwujudkan pada peringkat jawatankuasa pengurusan dan masalah itu dapat diselesaikan.

"Dengan itu, bolehlah kita menganggap pendekatan baru yang kita ambil itu adalah satu pendekatan yang berjaya dan pihak badan pengurusan sudah diberikan tanggungjawab tambahan untuk memantau keadaan dengan berjaya," katanya.

Sementara itu, katanya, Umno mengucapkan takziah kepada keluarga bekas Setiausaha Agungnya, Datuk Mohamed Yasin Abdul Rahman yang meninggal dunia di Hospital Sultanah Aminah di Johor Bahru semalam.

"Allahyarham antara orang yang berjasa kepada Umno pada peringkat awal lagi sebelum kita merdeka. Beliau memainkan peranan penting pada masa itu. Kita sangat menghargai jasa Allahyarham," katanya.

(END)